


Farmasi dikompaun RM20,000 naikkan harga penutup hidung dan mulut

Bernama | Diterbitkan pada Mac 12, 2020 08:45 +08 | Durasi: 50 saat



Serbuan dilakukan susulan aduan orang awam berhubung penjualan penutup hidung dan mulut melebihi harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Sebuah farmasi di Selayang dekat sini dikompaun RM20,000 kerana menjual penutup hidung dan mulut melebihi harga kawalan.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Gombak Azli Aripin berkata premis itu diberikan tempoh selama 14 hari untuk melunaskan kompaun tersebut.

Beliau berkata serbuan itu dilakukan pada kira-kira 6.30 petang susulan aduan orang awam berhubung penjualan penutup hidung dan mulut melebihi harga yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Hasil uji beli yang dibuat oleh pegawai penguat kuasa yang menyamar sebagai pelanggan mendapati peniaga tersebut telah menjual penutup hidung dan mulut jenis 2-ply dengan harga sekeping RM1 sedangkan harga kawalan yang telah ditetapkan ialah 20 sen sekeping," katanya dalam satu kenyataan malam tadi.

Azli berkata sejumlah 45 unit penutup hidung dan mulut disita dengan nilai sitaan sebanyak RM45.

Beliau berkata tindakan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 iaitu menjual barang kawalan melebihi harga maksimum telah diambil terhadap peniaga itu.

-- BERNAMA

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/farmasi-dikompaun-rm20-000-naikkan-harga-penutup-hidung-dan-mulut-233386>

